

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

RUJUKAN : 7254

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji Seksyen 14 bagi Akta Kesalahan Kecil 1955 dalam mengawal tindakan sesetengah pihak yang tidak bermoral.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri sedang menyemak dan mengkaji untuk membuat pindaan terhadap keseluruhan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336] terutamanya seksyen 14 Akta yang sama dengan mengambil kira *input* dan justifikasi dari pihak Polis Diraja Malaysia. Tambahan pula, hukuman di bawah Akta ini adalah rendah dan perlu dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan semasa.